

25 SEP 1997

Jerebu-Topeng

KERAJAAN SETUJU HAPUS DUTI, AUSTRALIA SUMBANG DUA JUTA TOPENG

KUALA LUMPUR, 25 Sept (Bernama) -- Australia bersetuju untuk menyumbangkan dua juta topeng penutup hidung dan mulut kepada rakyat Malaysia bagi meringankan kesan jerebu yang melanda sekarang.

Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat yang mengalu-alukan sumbangan itu, berkata Perancis juga menyatakan kesediaannya menyumbangkan topeng.

"Kekurangan bekalan topeng penutup hidung dan mulut... sebab semua orang diminta pakai topeng sekarang.

"Malah kerajaan bersetuju pada mesyuarat kabinet untuk membawa masuk topeng dan memansuhkan duti importnya," katanya kepada pemberita selepas melancarkan kempen pelebapan tanah tapak pembinaan di Damansara Utama di sini, hari ini.

Mengenai pergerakan tenaga bantuan memadam api yang dihantar oleh Malaysia ke Sumatra, Indonesia, beliau berkata mereka sudah tiba di sana dan sedang meneruskan perjalanan ke lokasi-lokasi termasuk di Jambi, Riau dan Palembang.

Mohamed yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Negara berkata perjumpaan antara jawatankuasa itu dengan syarikat-syarikat Malaysia yang dikatakan terbabit dalam pembakaran hutan di Indonesia yang menjadi punca jerebu, akan diadakan pukul 9 pagi esok.

"Semalam sembilan syarikat sudah melaporkan kepada kita dan (sembilan lagi) syarikat juga sudah kita hubungi," katanya.

Beliau berkata ada arahan daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Pengarah Gerakan Negara yang perlu beliau sampaikan kepada semua syarikat itu dan ada kerjasama mereka yang diperlukan.

Ketika ditanya mengenai jumlah wang yang sudah dibelanjakan negara setakat ini dalam menangani masalah jerebu ini, beliau berkata jumlahnya tidak diperkirakan sangat sekarang kerana jumlahnya juga masih meningkat.

Katanya, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang juga menteri kewangan, sudah memberi jaminan bahawa wang yang diperlukan akan diadakan untuk menangani masalah jerebu.

Mengenai penduduk Sarawak yang dikatakan tidak dapat pulang ke negeri itu akibat penutupan lapangan-lapangan terbang di sana, Mohamed berkata bukan mereka sahaja yang terlibat bahkan beliau juga sehingga hari ini belum dapat ke sana untuk meninjau sendiri keadaan berjerebu di negeri itu.

-- BERNAMA

MNY NMO